

Headline	Alumni SMSAH meriahkan Semalam Di Jenan 2012		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	04 May 2012	Color	Black/white
Section	News	Circulation	238,082
Page No	30	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	70 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 428
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,284



## Alumni SMSAH meriahkan 'Semalam Di Jenan 2012'

KUBANG PASU 3 Mei - Bekas pelajar Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim (SMSAH) Jenan, Jitra dijemput beramai-ramai memeriahkan program 'Semalam Di Jenan 2012' anjuran Persatuan Alumni SMSAH di sekolah tersebut pada Sabtu dan Ahad ini.

Pengerusi jawatankuasa pelaksana program, Mohd. Zaini Nasri berkata, program berkenaan bermula pukul 9 malam Sabtu ini dengan dirasmikan oleh Pengerusi persatuan itu, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak yang juga Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM).

"Acara-acara lain program itu antaranya ialah mesyuarat agung khas Alumni SMSAH, solat maghrib dan tahlil, makan malam, forum motivasi, sukan mesra, golf dan pantun ria," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dijangka hadir ialah Pengetua SMSAH, Abu Seman Sareh Md. Isa dan pada Ahad ini, para alumni SMSAH dijemput menyertai acara perhimpunan pagi bersama pelajar-pelajar sekolah itu.

Untuk maklumat lanjut boleh menghubungi Zaini Nasri 019-4104299 atau Syamsul Anuar 019-4133666.